

## Soalan Lazim Ejen Bank Berdaftar

1. Bagaimana boleh saya tahu ejen tersebut ejen BSN yang berdaftar?  
**Anda boleh menyemak melalui :**
  - (i) Melayari laman sesawang BSN [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my)
  - (ii) Bertanya dimana-mana Cawangan BSN
  - (iii) Melihat pada papan tanda BSN di luar premis ejen.
  - (iv) Memohon untuk melihat Watikah Pelantikan Ejen Bank Berdaftar BSN.
  - (v) Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900
  
2. Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh ejen BSN?  
**Sila rujuk jawapan pada soalan nombor 13.**
  
3. Bagaimana boleh saya bertanya atau membuat aduan terhadap ejen BSN?  
**Sebarang pertanyaan atau aduan boleh dilakukan dengan**
  - (i) Melawat Cawangan BSN berhampiran
  - (ii) Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BSN :  
Tel : 1300-88-1900  
Email : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)  
Alamat : Bank Simpanan Nasional,  
Jabatan Perbankan Digital,  
Ibu Pejabat, Wisma BSN 117,  
Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
  
4. Dimana boleh saya semak sekiranya ingin mengetahui lokasi ejen berhampiran?  
**Anda boleh menyemak melalui:**
  - (i) Melalui laman sesawang BSN [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my)
  - (ii) Membuat pertanyaan di mana-mana Cawangan BSN
  - (iii) Pusat Khidmat Pelanggan BSN ditalian 1300-88-1900
  
5. Adakah terdapat had bilangan dan amaun transaksi yang telah ditetapkan?  
**Sila rujuk jawapan di laman Utama EB.**
  
6. Adakah terdapat caj yang dikenakan terhadap setiap transaksi yang dilakukan?  
**Tiada caj tambahan dikenakan untuk sebarang transaksi.**
  
7. Apakah yang perlu dilakukan, jika didapati berlaku ketidakjujuran/kecuaian dikalangan ejen?  
**Anda boleh**
  - (i) membuat aduan di Cawangan BSN berhampiran
  - (ii) anda boleh membuat laporan dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-88-1900
  
8. Bagaimana untuk saya mengetahui transaksi yang dilakukan berjaya?  
**Anda akan menerima resit untuk setiap transaksi yang dilakukan.**

9. Bolehkah saya membuka akaun di ejen BSN?

**Boleh, kini anda boleh membuka akaun simpanan Giro/Giro-I di premis ejen BSN.**

10. Berapa minimum amaun untuk pembukaan akaun simpanan Giro/Giro –I melalui ejen BSN  
**Sila rujuk jawapan di laman Utama EB BSN.**

11. Bolehkah saya mendapatkan kad Debit BSN saya setelah pembukaan akaun di ejen BSN.

**Tidak, anda perlu ke mana-mana Cawangan BSN untuk kemaskini maklumat dan mendapatkan kad Debit BSN dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pembukaan akaun tersebut.**

12. Bolehkah saya membuat pengeluaran tunai bagi pihak orang lain?

**Tidak. Pengesahan transaksi memerlukan cap jari pemegang Mykad tersebut.**

13. Bolehkah saya membuat pindahan tunai ke bank lain?

**Tidak.**

14. Bolehkan saya membuat pembayaran bil bagi pihak orang lain?

**Ya, transaksi boleh dilakukan menggunakan tunai. Kad Debit bank lain tidak dibenarkan.**

15. Apakah yang perlu dibawa bersama semasa melakukan transaksi Perbankan?

Bil	Transaksi	Bawa Bersama
1	Simpanan	Kad Debit BSN atau Tunai
2	Pengeluaran	Kad Debit BSN dan MyKad
3	Pembayaran Bil	Kad Debit BSN atau Tunai
4	BSN SSP	Tunai dan Mykad
5	Pembelian Tanpa Tunai	Kad Debit BSN
6	Pembukaan Akaun	Tunai dan MyKad
7	Tambah Nilai Pra-bayar	Kad Debit BSN atau Tunai

16. Adakah akaun saya dilindungi oleh PIDM jika transaksi dilakukan di ejen BSN?

**Tidak, PIDM hanya melindungi transaksi yang berlaku di Cawangan BSN sahaja.**

17. Adakah selamat untuk saya melakukan transaksi di ejen BSN? Apa yang berlaku jika ejen tersebut menyalahgunakan simpanan yang saya dilakukan?

**Ya, transaksi adalah selamat. Sekiranya berlaku ejen menyalahguna simpanan, ejen akan dikenakan tindakan tatatertib dan seterusnya ditamatkan dari menjadi ejen BSN.**

18. Apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat ejen BSN palsu yang datang kepada orang awam menawarkan transaksi simpanan?

**Anda boleh**

- (i) membuat laporan di Cawangan BSN berhampiran atau
- (ii) boleh membuat laporan dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ditalian 1300-88-1900

19. Bolehkan ejen datang ke rumah untuk membuat perkhidmatan simpanan?

**Tidak. BSN tidak membenarkan POS terminal tersebut dibawa keluar dari premis ejen.**

20. Bilakah waktu operasi ejen BSN?

**Waktu operasi bermula dari 8.00 pagi sehingga 10.00 malam, 7 hari seminggu.**

**Walaubagaimanapun waktu operasi bergantung kepada ejen BSN.**

21. Bolehkah kemaskini buku akaun dilakukan di ejen BSN?

**Tidak, kemaskini buku akaun hanya boleh dilakukan di Cawangan BSN sahaja.**